

Menghormati Agama Lain Sebagai Pelengkap terhadap Penjagaan Agama Islam dalam Maqasid Syariah

Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafari

Blk 142, Bedok Reservoir Road, #06-1535,
Singapura 470142

*Pengarang Penghubung
md_Adibl@hotmail.com

Received: 14 July 2021

Accepted: 15 November 2021

Online First: 22 November 2021

ABSTRAK

Membina keharmonian di dalam sebuah masyarakat yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama bukanlah sebuah perkara yang mudah. Begitu juga untuk menjaga keharmoniaan yang telah sedia ada memerlukan usaha yang keras, kerana ia diibaratkan sebagai sesuatu yang amat rapuh dan mudah dihancurkan walau dengan sebuah perkataan berunsur perkauman. Keharmonian dalam masyarakat majmuk juga memberikan suasana yang kondusif bagi perkembangan agama Islam. Oleh yang demikian, Nabi SAW dan para sahabat amat menjaga keharmonian di antara kaum dan agama dalam sesebuah negara. Akan tetapi kenyataan menghormati agama lain telah disalahertikan oleh sebahagian orang Islam pada hari ini dengan menganggapnya bertentangan dengan al-Quran serta bercanggah dengan maqasid dharuriyyat iaitu menjaga agama Islam. Bertitik tolak dari kesilapan tersebut, kertas kerja ini bertujuan membuktikan bahawa menghormati agama lain tidaklah bertentangan dengan prinsip menjaga agama Islam, bahkan ia adalah penyempurnaan terhadapnya. Dalam mencapai tujuan tersebut Penulis telah menggunakan kaedah analisis dokumen di dalam kertas kerja ini dengan mengetengahkan contoh-contoh penghormatan terhadap golongan bukan Islam yang ditunjukkan Nabi



SAW dan para sahabat, yang mana darinya dapat dihuraikan maksud diantara wala' terhadap golongan bukan Islam yang dilarang dan galakkan menjalin hubungan baik bersama mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa menghormati agama selain Islam dituntun oleh ajaran Islam dan ia merupakan penyempurnaan terhadap penjagaan agama Islam itu sendiri.

Kata kunci: *keharmonian kaum, masyarakat majmuk, maqasid syariah, menjaga agama.*

Respecting other Religions as a Complementary Way towards The Care of Islam in Maqasid Syariah

ABSTRACT

Building harmony in a multi-racial and multi-religious society is not an easy task. Similarly, maintaining the existing status of harmony requires hard work, because it is likened to something that is very fragile and easily destroyed even with a racist word. Harmony in a plural society also provides a conducive environment for the development of Islam. Therefore, the Prophet SAW and his companions are very careful of harmony between races and religions in a country. But the statement of respect for other religions has been misunderstood by some Muslims today by considering it contrary to the teaching of the Quran and to the essentials purposes in syariah which is to protect the religion of Islam. Starting from these errors, this paper aims to prove that respecting other religions is not contrary to the principle of preserving the religion of Islam, in fact it is a perfection of the religion. In achieving this goal, the author has used the method of document analysis in this paper by highlighting examples of respect for non-Muslims shown by the Prophet SAW and his companions, from which can be explained the meaning between loyalty to the non-Muslims which are prohibited and encouragement to establish a good relationship with them. The result of the study shows that respect for religions other than Islam is guided by the teachings of Islam and it is a perfection of the care of Islam itself.

Keywords: *racial harmony, plural society, maqasid al-syariah, maintaining religion of Islam.*

PENDAHULUAN

Allah SWT menciptakan manusia dalam kepelbagaian bangsa, suku, bahasa, budaya dan agama. Kepelbagaian ini menambahkan warna-warni kehidupan di dunia dan ia harus disikapi dengan penghormatan, kelembutan dan tolok ansur. Allah SWT menyuruh hambaNya untuk menjadikan kepelbagaian ini sebagai medan untuk saling kenal mengenali antara satu sama lain dan melarang menjadikannya sebagai pencetus dan punca kepada perpecahan, perbalahan dan pengasingan. Sikap saling menghormati dan mengenali dalam kepelbagaian bukan setakat menimbulkan suasana yang harmoni di dalam masyarakat tetapi ia juga menyediakan platform yang kondusif bagi penyebaran dakwah Islam dan penjagaan terhadap agama mulia ini.

Bagaimanapun pada hari ini terdapat segolongan umat Islam yang mengubah konsep saling mengenali di antara manusia atau apa yang disebut dengan *al-ta'rif* (التعارف) kepada saling memerangi atau *al-taharub* (التحارب) dengan keyakinan bahawa penjagaan agama Islam yang merupakan diantara maqasid al-dharuriyyat tidak akan tercapai kecuali apabila mereka yang berlainan agama diperangi. Golongan ini menjadikan beberapa potongan ayat al Quran sebagai alasan untuk menjustifikasikan kefahaman mereka. Konsep ini bukan sahaja merugikan dakwah Islamiyyah malah ia juga dapat melahirkan pemikiran pelampau dan kumpulan ekstrimis.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan teknik yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Dalam kertas kerja ini penulis menggunakan pendekatan analisis dokumen iaitu pencarian data dengan menggunakan sumber tertulis. Penulis telah mengumpulkan pendapat para ulama serta hujah-hujah mereka yang berkaitan dengan sikap seorang Muslim terhadap agama lain.

Setelah melakukan pembacaan, penelitian dan perbandingan terhadap bahan bacaan yang telah dikumpulkan, penulis telah menghasilkan sebuah rumusan yang bertepatan dengan konsep penjagaan agama yang disebutkan dalam maqasid al-Syariah. Penulis juga membuat penelitian terhadap fakta-fakta sejarah bagi mengukuhkan rumusan kajian. Penulis mengharap

agar rumusan ini dapat menghuraikan kekusutan dan kesilapan faham yang berlaku dalam hubungan seorang Muslim dan agama lain. Metode pemerhatian juga digunakan bagi mengetahui realiti sikap seorang Muslim terhadap agama lain untuk membangun batasan penghormatan dan tolak ansur terhadap agama lain.

DAPATAN KAJIAN

1. Asas Hubungan Antara Muslim dan Bukan Islam

Asas hubungan antara seorang Muslim dan bukan Muslim adalah penentu kepada sikap yang harus diambil di dalam pergaulan antara mereka. Dalam hal ini para ulama mempunyai dua pandangan yang berbeza:

Pandangan pertama: Segolongan kaum muslimin beranggapan bahawa asas perhubungan diantara seorang Muslim dan bukan Islam adalah permusuhan. Pendirian mereka ini berdasarkan keumuman lafaz beberapa ayat al Quran dan hadis yang menyuruh memerangi golongan bukan Islam, sehingga mereka memeluk Islam atau tunduk dibawah pemerintahannya, (al-Sarakhsi, 1993; al-Lakhmi, 2011; al-Juwaini, 2007) seperti firman Allah Taala dalam surah al-Anfal ayat-39:

﴿وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya: Dan perangilah mereka supaya jangan ada fitnah (gangguan terhadap agama Allah) dan supaya agama itu semata-mata untuk Allah, jika mereka berhenti (dari kekafiran), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang mereka kerjakan.

2- Firman Allah Taala di dalam surah al-Taubah ayat-29:

﴿قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ﴾

Maksudnya: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula kepada hari kemudian dan mereka tidak mengharamkan

apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar iaitu dari kalangan mereka yang diberikan al-Kitab kepada mereka sehingga mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk.

3- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka berkata: Tiada tuhan melainkan Allah, dan barangsiapa yang berkata tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, maka terjagalah nyawa dan hartanya dari ku, kecuali dengan hak Islam dan perhitungan mereka adalah kepada Allah*”
(al-Bukhari. 1986. Kitab Jihad, no hadis. 2946)

Mereka berhujah bahawa, walau ayat-ayat dan hadis diatas mempunyai sebab yang khusus iaitu ia merujuk kepada peristiwa peperangan antara Nabi SAW dan musuh Islam pada ketika itu, akan tetapi sebab itu tidaklah diambil kira dan hendaklah disampingkan kerana kaedah yang digunapakai adalah “Sesuatu itu dihukumkan mengikut keumuman lafaz dan bukan mengikut sebab yang khusus” (العبرة بعموم اللفظ، لا بخصوص السبب). Ini adalah sebuah kaedah yang paling penting bagi memahami nas al Quran yang telah disepakati oleh para ulama. Mengabaikannya akan membawa kepada runtuh kebanyakan makna yang dikehendaki oleh al Quran dan Sunnah (al-Razi, 1997; al-Qarafi, 1999).

4- Golongan ini juga berhujah dengan logik akal. Iaitu jika Allah SWT melihat golongan bukan Islam ini sebagai musuh di dalam banyak ayat al Quran, maka selayaknya orang-orang Islam juga melihat golongan bukan Islam ini sebagai musuh juga (Saras, 2005). Firman Allah Taala di dalam surah al-Baqarah ayat-98:

﴿مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ﴾

Maksudnya: Barangsiapa menjadi musuh Allah, malaikat-malaikat-Nya, Rasul-rasul-Nya, Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir.

Pendapat kedua: Sebahagian yang lain pula berpandangan bahawa asas perhubungan antara seorang Muslim dan bukan Islam adalah perdamaian dan keamanan. Asas ini tidak akan berubah kepada permusuhan kecuali pada waktu tertentu (Ibnu Abidin, 2003; al-Nawawi, Tt; al-Zamnakawi, 2010). Golongan ini besandar kepada beberapa ayat al-Quran:

1- Firman Allah Taala dalam surah al-Mumtahanan ayat 8-9:

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangi kamu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negeri kamu, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah melarang kamu menjadikan sebagai kawan mu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negeri kamu dan membantu orang lain untuk mengusir kamu, dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Begitu juga dengan ayat-ayat lain yang mengajak kaum muslimin membina hubungan yang harmoni bersama golongan bukan Islam.

2- Jika asas perhubungan antara masyarakat Islam dan bukan Islam adalah permusuhan dan peperangan, sudah pasti Islam tidak akan melarang membunuh kaum wanita, anak-anak kecil, orang-orang tua, alim ulama dari kalangan mereka. Akan tetapi Islam melarangnya dengan keras, maka ia adalah bukti yang kukuh bahawa asas perhubungan antara muslim dan bukan muslim adalah keamanan dan kedamaian (al-Zamnakawi, 2010).

Sementara beramal dengan kaedah “Sesuatu itu dihukumkan mengikut keumuman lafaz dan bukan mengikut sebab yang khusus” (العبرة بعموم اللفظ، لا بخصوص السبب) di dalam memahami nas-nas syarak, harus menepati syaratnya. Para ulama telah mensyaratkan bahawa kaedah ini boleh diguna pakai jika tidak ada halangan atau pertentangan di dalam mengamalkan keumuman lafaz (al-Subki, 1991). Jika terdapat halangan atau pertentangan maka ia tidak boleh diamalkan, kerana petunjuk lafaz ayat terhadap sebabnya lebih kuat, berbanding petunjuk

terhadap selainnya. Ini disebabkan petunjuk pertama bersifat *qati'e*, sementara yang kedua berstatus *zahnni* (al-Zarkasyi, 1998).

Dengan ini, tidak dibolehkan beramal dengan keumuman yang terdapat di dalam ayat-ayat yang menyuruh berperang dengan orang bukan Islam secara mutlak kerana terdapat penghalang dan pertentangan didalamnya. Penghalang tersebut adalah ayat-ayat yang menyuruh berbuat baik kepada golongan bukan Islam. Oleh yang demikian hendaklah keumuman tersebut dibataskan hanya kepada sebab penurunan ayat iaitu berperang dengan mereka yang memulakan peperangan ke atas umat Islam (al-Baghawi, 2002).

Begitu juga harus dibezakan antara penggunaan lafaz umum keatas sebab yang khusus dan petunjuk konteks dalam sesebuah teks. Dalam hal penggunaan lafaz umum keatas sebab yang khusus, sebab itu tidak dapat mengecilkan skop makna umum yang dibawakan oleh nas. Manakala dalam hal kedua pula konteks itu boleh membataskan keumuman lafaz yang digunakan oleh teks al Quran atau hadis (al-Subki, 1991).

Dalam hal ayat-ayat yang menyuruh orang Islam berperang dengan golongan bukan Islam, sebab penurunan ayat tersebut merupakan petunjuk konteks ke atas teks (نئارقلاو قاي سلا قلاد). Oleh yang demikian keumuman lafaz ayat tidak diamalkan, bahkan ia hanya terbatas kepada sebab penurunannya sahaja.

Dari pembentangan di atas didapati bahawa pendapat yang mengatakan asas hubungan antara masyarakat Islam dan bukan Islam adalah perdamaian dan keamanan lebih kuat hujahnya dan lebih menepati kaedah usul fikh berbanding yang mengatakan sebaliknya. Ia juga amat bertepatan dengan ruh pensyariaan yang ingin menyebarkan keamanan.

2. Penghormatan Nabi SAW dan Generasi Awal Terhadap Masyarakat Bukan Islam

Terdapat banyak ayat al Quran yang mengajak kaum Muslimin menghormati agama lain dengan tidak menghina sesembahan mereka

atau merusakkan rumah ibadat mereka atau memperlekehkan sesuatu yang dianggap suci oleh mereka seperti firman Allah Taala dalam surah al-Ana'm ayat-108, al-Hajj ayat-40 dan lain-lain lagi.

Nabi SAW pula merupakan contoh terbaik dalam mempraktikkan ajaran ini dalam kehidupan seharian. Antara contoh yang ditunjukkan Baginda adalah:

1- Diriwayatkan bahawa di dalam peperangan Khaibar para sahabat menemukan beberapa naskah kitab Taurat, Nabi SAW lalu menyuruh kitab-kitab tersebut dikembalikan kepada orang-orang Yahudi (al-Maqrizi, 1999).

Kisah ini menunjukkan kepekaan Nabi SAW terhadap sensitiviti agama lain terutama yang bersangkutan dengan sesuatu yang disucikan penganut agama tersebut. Walaupun Nabi SAW mengetahui kitab-kitab tersebut telah dinodai, Baginda tidak meminta agar kitab tersebut dibakar atau dibuang, tetapi Baginda menyuruh mengembalikannya kepada penganut agama Yahudi demi menghormati kepercayaan mereka.

2- Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Nabi SAW tidak menutup *Bait al-Midras* iaitu sekolah yang mengajar agama Yahudi di Madinah, walaupun puak utama Yahudi di Madinah telah diusir keluar sehingga Abu Hurairah yang memeluk Islam pada tahun ke-7 hijrah berpeluang memasuki dan melihat sekolah ini (al-Bukhari, 1986. Kitab: al-Jizyah, no hadis: 3176; al-Ansari, 2005).

Riwayat ini memperlihatkan bagaimana Nabi SAW menghormati dan memberi kebebasan kepada sesebuah masyarakat untuk mempelajari perkara yang mereka anuti dan percaya, walau ianya bertentangan dengan al Quran. Baginda sebagai penguasa meraikan agama lain yang berada bersama masyarakat Islam di Madinah dan mengiktiraf keberadaannya.

3- Diriwayatkan bahawa sekumpulan Nasrani dari Najran datang menemui Nabi SAW di Madinah. Mereka memasuki masjid Nabawi setelah Asar dengan menggunakan pakaian keagamaan dan pada ketika

itu juga masuk waktu sembahyang mereka. Kumpulan Nasrani tersebut bangkit untuk mendirikan sembahyang di dalam masjid Nabawi, tetapi sebahagian sahabat cuba melarang mereka. Nabi SAW yang melihat keadaan itu menyuruh agar mereka dibiarkan, lalu mereka menghadap ke timur dan menunaikan sembahyang mereka (Ibnu Kathir, Tt; al-Qasthalani, 1991).

Kisah ini bukan sahaja menunjukkan Nabi SAW menghormati tuntutan keagamaan selain Islam, tetapi Baginda juga memberikan mereka ruang yang sesuai dan selesa untuk melakukan ibadah mereka.

4- Diriwayatkan bahawa seorang yahudi bersumpah: “Demi yang telah memuliakan Musa ke atas seluruh alam. Beliau lalu ditampar oleh seorang lelaki Ansar sambil dia berkata: “Apakah kamu mengucapkan perkataan seperti ini, sedangkan (Nabi) Muhammad SAW berada bersama kita?! Di dalam riwayat lain menyebutkan lelaki Ansar itu membalas dengan sumpahan: “Demi yang telah memuliakan Nabi Muhammad ke atas seluruh alam”. Ketika perkhabaran ini sampai kepada pengetahuan Baginda, wajah Baginda menunjukkan reaksi yang amat marah sambil bersabda: “Janganlah kamu melebihi aku ke atas Musa . . .” (al-Bukhari, 1986. Kitab: al-Riqaq, no hadis: 6517).

Hakikatnya, Nabi Muhammad SAW adalah manusia yang paling agung seperti yang tersebut di dalam beberapa hadis, bagaimanapun dalam kisah ini Nabi SAW mengambil sikap menghormati dan meraikan kepercayaan orang lain agar tidak menimbulkan suasana yang tegang.

5- Apabila Nabi SAW tiba di Madinah, Baginda mengikat perjanjian dengan penduduk-penduduk Madinah dari pelbagai bangsa dan agama yang dikenali dengan Piagam Madinah. Antara yang dipersetujui di dalam piagam tersebut: “Bagi orang Yahudi agama mereka dan bagi orang Islam agama mereka” (al-Mubarakafuri, 1998; al-Suhaili, 2000).

6- Selain menghormati agama lain dan sesuatu yang disucikan mereka, Baginda juga menghormati hak seseorang untuk hidup sebagai manusia walaupun mereka adalah dari kalangan yang memusuhi Baginda. Diriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah mengirim wang sebanyak lima ratus dinar ke Mekah untuk membantu penduduk Mekah yang

sedang menghadapi musim kemarau dan ketika itu mereka belum memeluk agama Islam. Baginda juga pernah menghadiahkan kepada Abu Sufyan kurma ajwah ketika menawan kota Mekah (Ibnu Asakir, 1995; Abu Ubaid, 2007; al-Sarakhsi, 1993).

Pekerti Nabi SAW yang mulia ini turut dicontohi oleh para sahabat Nabi SAW, antara kisah yang diriwayatkan dari mereka dalam hal ini adalah:

1- Sewaktu Saidina Umar memasuki Palestin setelah ditawan oleh tentera Islam, beliau melihat sebuah batu yang disucikan dan dimuliakan oleh orang Yahudi telah dijadikan tempat pembuangan sampah oleh kaum Nasrani. Saidina Umar pergi ke batu tersebut lalu membersihkannya menggunakan kain burdah beliau dan para sahabat yang lain serta tabien yang melihat perbuatan tersebut turut menyertai Saidina Umar dalam kerja pembersihan tersebut. Setelah selesai Saidina Umar lalu bangkit dan menuju ke masjid Aqsa untuk bersembahyang (al-Maqdisi, 2000; Ibnu Kathir, tt).

2- Para sahabat Nabi SAW seperti Saidina Umar, Abu Ubaidah dan lain dari mereka apabila membuka sesebuah negeri mereka akan memberi jaminan keselamatan dan keamanan kepada gereja-gereja dan rumah ibadat agama lain (al-Thabari, 1387H). Perkara ini bertepatan dengan suruhan Nabi SAW supaya tidak dirobohkan rumah ibadat dan larangan membunuh atau menyakiti ulama dan ahli ibadah dari kalangan mereka yang beragama selain Islam (Ibnu Saad, 1990).

3- Umat Islam di Habsyah di bawah pimpinan Saidina Jaafar bin Abi Thalib menunjukkan penghormatan terhadap agama Nasrani yang menjadi ikutan pihak kerajaan dan dianuti oleh kebanyakan masyarakat negeri tersebut. Ketika Saidina Jaafar diminta oleh Najasyi menjelaskan kepercayaan orang Islam terhadap Nabi Isa AS, beliau hanya mengatakan bahawa Nabi Isa AS adalah seorang hamba dan rasul, kemudian memuji Nabi Isa dengan beberapa pujian dan tidak menyentuh sedikit pun berkenaan keyakinan penganut Nasrani terhadap Nabi Isa, apalagi untuk mencela dan mempertikaikannya (Ibnu Hisyam, 1996; Ali Muhammad, 2013).

Saidina Jaafar dan kaum Muslimin yang lain menggunakan bahasa yang lembut ketika berbicara dengan Najasyi dan pembesarnya serta memanggil mereka dengan kedudukan dan jawatan mereka. Tidak sesekali diriwayatkan masyarakat Islam di Habsyah memasuki debat bersama penganut Nasrani di negeri itu dalam soal kepercayaan dan lain-lain. Mereka hanya memberi tumpuan kepada pelaksanaan ibadah kepada Allah Taala.

Walaupun demikian masyarakat Islam minoriti di Habsyah tidak hidup dalam kumpulan mereka sendiri atau memencilkan diri. Mereka tetap bergaul bersama masyarakat Habsyah dan mengambil berat masalah-masalah yang dihadapi oleh negara itu. Saidatina Ummu Salamah menceritakan, ketika terdapat kumpulan pemberontak yang ingin merampas kekuasaan Habsyah dari Najasyi, kaum Muslimin tersangat sedih dan berdoa bersungguh-sungguh agar kerajaan yang sedia ada tetap berkuasa dan mencapai kemenangan didalam peperangannya menentang pihak pemberontak. Mereka amat bergembira apabila mengetahui Najasyi dapat mengalahkan kumpulan pemberontak tersebut. Ummu Habibah pula pernah bercerita kepada Nabi SAW pengalamannya memasuki sebuah gereja yang cantik di Habsyah (Ibnu Hisyam, 1996; Ali Muhammad, 2013).

Kisah-kisah ini menunjukkan betapa umat Islam di Habsyah memiliki integriti yang tinggi dan cuba berinteraksi dengan masyarakat setempat dengan mengenali budaya mereka. Biar pun agama rasmi di Habsyah berbeza dari agama Islam, ia bukan penghalang bagi umat Islam dari mengambil berat masalah kerajaan dan bersikap proaktif dalam pembangunan negara dan menjaga keamanannya.

Keperluan menghormati agama lain juga disebutkan oleh para fuqaha di dalam kitab-kitab mereka, sebagai contoh:

1- Berkata Imam al-Baijuri (1999): “Jika seseorang mengupah pekerja dan ditetapkan waktu pekerjaan tersebut, maka masa untuk bersuci, solat walau sunnah rawatib perlu dikecualikan dari ketetapan tersebut dan tidak boleh dikurangkan upah yang ditetapkan di sisi syarak, begitu juga hendaklah dikecualikan hari Sabtu bagi orang Yahudi dan hari Ahad bagi orang Nasrani”.

Perkara ini menunjukkan betapa Islam menghormati waktu ibadah golongan bukan Islam dan ia perlu dikecualikan dari waktu pekerjaan tanpa dikurangkan upah atau gaji yang ditetapkan.

2- Imam Al Kasani (1986) berkata: “Bagi orang bukan Islam hak sepertimana hak untuk orang Islam, keatas mereka juga tanggungjawab sepertimana tanggungjawab yang dibebankan keatas orang Islam”.

3- Diwajibkan keatas orang Islam membayar ganti rugi jika mereka merosakkan sesuatu yang disucikan oleh agama bukan Islam seperti salib kerana ia merupakan sebuah harta disisi mereka. Tambahan pula syarak menyuruh umat Islam membiarkan perkara tersebut untuk golongan bukan Islam, dan melarang merosakkannya. Jika tidak dikenakan ganti rugi maka ia bertentangan dengan suruhan dan larangan tersebut (al-Kasani, 1986; al-Baghdadi, 2004).

3. Maslahat al-Dharuriyyat dan Cara Penjagaannya

Menurut ilmu maqasid al-Syariah, maslahat itu mempunyai tiga peringkat. Maslahat yang tertinggi dinamakan sebagai al-Dharuriyyat kemudian diikuti dengan al-Hajiyyat dan al-Tahsiniyyat. Maslahat al-Dharuriyyat adalah sebuah maslahat yang diperlukan oleh manusia untuk mencapai kebaikan dunia dan akhirat. Pengabaian Maslahat al-Dharuriyyat akan membawa kepada kerosakan dalam pengurusan kehidupan dunia dan kehancuran di akhirat kelak.

Analisa Imam al-Ghazali terhadap perundangan syarak menunjukkan bahawa terangkum dibawah maslahat al-Dharuriyyat lima perkara yang beliau ungkapkan dengan: “Yang kami maksudkan dengan maslahat adalah menjaga tujuan syarak dan tujuan syarak dari penciptaan ini adalah lima: menjaga agama mereka, nyawa, akal, keturunan dan harta” (Al Ghazali, 2000). Pandangan inilah yang diwarisi oleh kebanyakan para ulama setelahnya.

Di dalam menjaga maslahat al-Dharuriyyat ini syarak ada menyuruh melakukan beberapa perkara yang dapat melestarikannya, menjaganya dan mengembangkannya, yang mana ia dikenali dengan (حفظ الضروريات من حيث الوجود). Demikian juga syarak ada melarang beberapa hal yang

akan membawa kepada hilangnya maslahat ini atau ianya menjadi lemah dan tidak berfungsi, dimana ia dikenali dengan (حفظ الضروريات) (من حيث العدم) (al-Syathibi, 2012).

4. Penghormatan Terhadap Agama Lain Sebagai Pelengkap Terhadap Penjagaan Agama Islam

Menurut Dr al-Kubaisi (t.t), selain menjaga maslahat al-Dharuriyyat melalui dua cara yang disebutkan diatas, setiap satu dari al-Dharuriyyat itu mempunyai pelengkap yang disebut dengan *al-Mukammil* (المكمل). Tanpa pelengkap ini maqsad al-Dharuriyy tersebut tidak akan tercapai atau sukar untuk mencapainya. Memandangkan kedudukan *al-Mukammil* ini sangat penting dan amat diperlukan Imam al-Amidi (t.t) dan al-Mahalli (t.t) meletakkan *al-Mukammil* bagi sesebuah perkara al-Dharuriyy sama seperti martabat al-Dharuriyy tersebut.

Menyedari bahawa agama Islam tidak dapat berkembang dan dipandang mulia kecuali jika ia memberi penghormatan kepada agama lain dan mengiktiraf kewujudan mereka, para ulama telah meletakkannya sebagai pelengkap bagi menjaga agama Islam. Bahkan al-Qarafi (1973), al-Abyari (2013) dan Ibnu Juzayy (2003) mengungkapkan penjagaan agama dengan kata banyak (الجمع) iaitu (حفظ الأديان).

Sejarah telah membuktikan hal ini, apabila dakwah Nabi Muhammad SAW hanya dapat berkembang ke luar Jazirah Arab setelah termeterainya perjanjian Hudaibiyah. Islam juga semakin diterima ramai apabila Nabi SAW menawan kota Mekah dan memperlihatkan penghormatan kepada golongan bukan Islam dengan memaafkan dan mengamankan mereka.

Dr Ali Jumaah (2010) telah membentangkan data bahawa peratusan penerimaan terhadap agama Islam semakin meningkat dalam suasana aman dimana masyarakat Islam dan bukan Islam hidup saling menghormati antara satu sama lain, berbanding ketika terjadinya peperangan. Sebagai contoh pada seratus tahun pertama dari hijrah nisbah umat Islam di Syria dan Mesir hanya dua peratus manakala di Iraq dalam kadar tiga peratus. Dengan adanya kehidupan secara

bersama antara masyarakat Islam dan bukan Islam peratusan umat Islam di Syria dan Mesir mencapai dua puluh lima peratus pada tahun 275H dan di Iraq pada tahun 225H. Peratusan ini meningkat kepada lima puluh peratus pada tahun 330H di Syria dan Mesir dan pada tahun 280H di Iraq. Pada tahun 320H, nisbah umat Islam di Iraq melonjak kepada tujuh puluh lima peratus begitu juga halnya di Syria dan Mesir pada tahun 385H.

Peningkatan ini adalah hasil dari integrasi umat Islam dan bukan Islam dalam suasana aman, saling menghormati dan bertolak ansur. Ia memberi ruang kepada golongan bukan Islam untuk mengenali Islam dengan lebih rapat serta memikirkan ajarannya dengan akal yang jernih jauh dari desakan emosi. Kesemua ini membawa kepada kepentingan penghormatan terhadap agama lain demi menjaga dan memartabatkan Islam itu sendiri.

5. Batasan Penghormatan dan Tolak Ansur Terhadap Agama Selain Islam

Ketika umat Islam diseru untuk menghormati dan bertolak ansur dengan agama lain, tidak bererti perkara ini boleh dilakukan secara mutlak dan tanpa batasan, kerana setiap perkara jika tidak dibatasi akan membawa kepada sikap melampau atau mempermudah. Menghormati agama lain bukan bererti mengambil mudah prinsip-prinsip agama Islam atau memperlekehkannya. Secara ringkas dalam menghormati agama lain perlu dipelihara tiga batasan berikut:

- 1- Menghormati agama lain tidak membawa kepada penyerupaan dengan mereka yang dilarang syarak.
- 2- Penghormatan itu hendaklah berbangkit dari keinginan hidup bersama dan saling mengenali, bukan berpunca dari penindasan atau kezaliman dari pihak yang dihormati atau mengagungkan mereka, kerana yang demikian itu adalah sifat kelemahan dan kenaiifan.
- 3- Penghormatan itu tidak mengakibatkan terabainya kewajipan agama atau tuntutan atau tergadainya kehormatan dan kemuliaan agama Islam (Yusuf, 2020).

KESIMPULAN

Penghormatan terhadap agama lain adalah pelengkap kepada penjagaan agama Islam itu sendiri. Ini dapat dilihat dari beberapa ayat al-Quran, Sunnah Nabi dan perbuatan para sahabat yang melarang melakukan penindasan dan kezaliman keatas penganut agama lain dan melecehkan sesuatu yang disucikan mereka. Sejarah telah menunjukkan bahawa Islam itu lebih diterima ketika mana keharmonian diantara kaum dan agama dapat direalisasikan melalui sifat saling menghormati antara satu sama lain.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada *International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS) 2021* anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam kerana menyediakan platform dan mengizinkan penulis untuk berkongsi hasil kajiannya.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Ubaid al-Qasim. (2007). *al-Amwal*. Saudi: Dar al-Fadhilah.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1986). *Sahih Al-Bukhari* (dicetak bersama fathul al-Bari). Mesir: Dar al-Rayyan.

Al-Abyari, Ali bin Ismail. (2013). *al-Tahqiq wa al-Bayan fi Syarhi al-Burhan*. Kuwait: Dar al-Dhiya.

Al-Amidi, Ali bin Abi Ali. (Tt). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Al-Ansari, Zakariya bin Muhammad. (2005). *Minhatu al-Bari bi Syarhi Sahih al-Bukhari*. al-Riyadh: Maktabah al-Ryusd.

- Al-Baghawi, al-Husain bin Masud. (2002). *Ma'lim al-Tanzil*. Beirut: Dar ibnu Hazm.
- Al-Baghdadi, Abdul Wahab bin Ali. (2004). *al-Talqin fi al-Fikh al-Maliki*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Baijuri, Ibrahim. (1999). *Hasyiyah al-Baijuri a'la Syarhi al-Ghizzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2000). *Al-Mustasfa fi Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ali Muhammad, Ismail. (2013). *Fikh al-Dakwah fi Dhawi Mawqif Ja'far Amam al-Najasyi*. al-Mansurah: Muassasah al-Syuruq li Tarjamah wa al-Naysr.
- Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdillah. (2007). *Nihayah al-Mathlab*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Masud. (1986). *Badaie al-Sanaie'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kubaisi, Basyir al-Mahdi. (Tt). *al-Maqasid al-Syariah wa kaifiyah al-Ta'mul I'nda al-Ta'rudh*. Baghdad: Kulliyah Imam al-A'zam.
- Al-Lakhmi, Ali bin Muhammad. (2011). *al-Tabsirah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah.
- Al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad. (Tt). *Syarh al-Jalal al-Mahalli a'la Jamie al-Jawami'* (dicetak bersama Hasyiah al-A'tthar). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Maqdisi, Muhammad bin Abdul Wahid. (2000). *al-Ahadith al-Mukhtarah aw al-Mustakhrajah min al-Ahadith al-Mukhtarah Mimma Lam Yukhrijhu al-Bukhari wa Muslim fi Sahihaihima*. Beirut: Dar Khidr li al-Thiba'h.

- Al-Maqrizi, Ahmad bin Ali. (1999). *Imta' al-Asma'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mubarakafuri, Shafiyu al-Rahman. (1998). *al-Rahiq al-Makhtum*. Damsyiq: Dar al-Khair.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (Tt). *Khulasah al-Ahkam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1973). *Syarh Tanqih al-Fusul*. al-Syirkah al-Thibai'yah al-Fanniyah al-Muttahidah
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1999). *al-A'qdu al-Manzum fi al-Khusus wa al-Umum*. Mesir: Dar al-Kutbi.
- Al-Qasthalani, Ahmad bin Muhammad. (1991). *al-Mawahib al-Ladunniyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Razi, Muhammad bin Umar. (1997). *al-Mahsul*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *al-Mabsuth*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Suhaili, Abdul Rahman bin Abdullah. (2000). *Rawdh al-Anf*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-A'rabi.
- Al-Syathibi, Ibrahim bin Musa. (2012). *al-Muwafaqat*. Beirut: Dar al-Kutub al-A'rabi.
- Al-Thabari, Muhammad bin Jarir. (1387H). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Beirut: Dar al-Turath.
- Al-Zamnakawi, Mahmud Muhammad Ali. (2010). *al-I'laqah al-Ijtimai'yyah baina al-Muslimin wa Ghairi al-Muslimin fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Kitab Nasyirun.

- Al-Zarkasyi, Muhammad bin Abdullah. (1998). *Taysnif al-Masami'*. Mesir: Maktabah al-Qurthubah.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin. (2003). *Rad al-Muhtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Asakir, Ali bin al-Hasan. (1995). *Tarikh Damsyiq*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Juzayy, Muhammad bin Ahmad. (2003). *Taqrib al-Wusul ila Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Kathir, Ismail. (2001). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kaherah: Dar al-Manar.
- Ibnu Saad, Muhammad. (1990). *al-Thabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jumaah, Ali. (2010). *Man Nabiyuka?* Kaherah: Dar Jawami' al-Kalim.
- Sarar, Salim. (2005). *Iztizaz al-Zimmi fi al-Fikh al-Islami*. Algeria: Jamiah al-Hadj Lakhdar.
- Yusuf, Ahmad. (2020). *al-Tasamuh al-Islamiyy wa Dauruhu fi al-Ta'yush al-Silmi Baina Abna al-Wathan*. Mesir: Dar al-Ta'lim al-Jamie.